

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	HARIAN METRO (NUANSA)
TARIKH	:	2/1/2019
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

'BINA' SEMULA

Kerjasama tanam pokok sepanjang Sungai Kinabatangan

HUTAN

Noriza Sainal
am@hmetro.com.my

Hutan bukan saja penting terhadap ekosistem, tetapi ia juga bertindak untuk kelestarian alam sekitar.

Di Malaysia hutan dijadikan sebagai kawasan hidupan flora dan fauna, namun kerakusan manusia hari dalam mengelar pembangunan pesat seperti mendirikan bangunan pencakar langit mengakibatkan pelbagai kesan seperti banjir kilat.

Pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia, Nestle (Malaysia) Berhad bersama Yayasan Sime Darby (YSD) melanjutkan kerjasama mereka dalam usaha dan komitmennya terhadap kelestarian alam sekitar menerusi satu projek yang dikenali sebagai Projek Rilcaf Kinabatangan.

Menerusi projek itu, Nestle dan YSD meletakkan sasaran baru untuk menanam sejuta pokok di sepanjang Sungai Kinabatangan menjelang 2020.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle (Malaysia) Berhad, Juan Aranolis berkata, Sungai Kinabatangan ialah nadi kehidupan penting buat Sabah yang bukan saja berperanan untuk hidupan liar, malah penting kepada manusia sendiri.

"Kami berkecad untuk memulihara kepelbagaian biologi ini menerusi Projek Rilcaf Kinabatangan dan terus mencipta landskap, di mana manusia, alam semula jadi dan agrikultur dapat diwujudkan. Pada masa sama, ia dapat disatukan oleh sumber penting, iaitu air."

"Kami berasa teruja untuk memperluas lagi Projek Rilcaf Kinabatangan demi menanam satu juta pokok menjelang 2020, di mana kami meletakkan visi untuk melindungi dan memulihara kepelbagaian biologi Kinabatangan yang kaya dikongsi bersama YSD dan Jabatan Perhutanan Sabah (SFD). Inisiatif komitmen kami untuk memulihara dan melindungi Sungai Kinabatangan," katanya.

Dalam pada itu, Projek Rilcaf Kinabatangan itu berjaya memperkasakan masyarakat tempatan yang tinggal di sepanjang Sungai Kinabatangan dengan peluang untuk membina keupayaan dan meraih pendapatan tambahan menerusi Komuniti Anak Pokok Kinabatangan (KAPOK), iaitu pengeluar anak benih yang berpragmatik di dalam negara.

Anak benih hutan yang digunakan untuk menanam pokok di sepanjang Sungai



DARI KIRI, Mashor, Juan dan Jeffri bekerjasama dalam projek penanaman sejuta pokok.

FOTO: IHSAN NESTLE MALAYSIA

Kinabatangan disemai, dipupuk dan dipelihara daripada ahli KAPOK setempat yang tinggal di sepanjang sungai, manakala Habirat Enterprise di bawah naungan Nestle Malaysia menguruskan program KAPOK dan penanaman anak benih di sepanjang tebing sungai.

Projek Rilcaf Kinabatangan yang ditubuhkan sejak 2011 dan mendapat sokongan YSD itu adalah salah satu inisiatif pemuliharaan yang diwujudkan Nestle dan berjaya mencapai sasaran sebelum ini untuk menanam semula kawasan seluas 2,500 hektar di sepanjang sungai (bersamaan lebih 3,500 padang bola sepak) pada 2017 dengan 700,000 pokok.

Selain itu, projek ini berhasrat untuk memulihara rizab hutan penting di kawasan hilir Sungai Kinabatangan, di mana ia adalah kawasan hutan yang membentuk zon penampungan semula jadi bagi mengurangkan pencemaran sungai dan membantu melindungi

ekosistem yang kaya dengan kepelbagaianya.

Pada tahun ini juga, SFD memberikan sokongan padu kepada projek melalui peruntukkan tanah bagi usaha penanaman semula hutan dan menyediakan bantuan teknikal yang berharga.

Kawasan penanaman baru bagi Projek Rilcaf Kinabatangan itu terletak di kawasan European Union Reduce Emissions From Deforestation and Forest Degradation - Plus (EU REDD+), di mana ia adalah inisiatif global untuk menyokong urus tadbir kerajaan dan mengurangkan penerokaan serta pembasman hutan.

Ahli Majlis Pentadbiran Yayasan Sime Darby dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Berhad, Datuk Jeffri Salim Davidson berkata, pihaknya berharap usaha sama itu akan berterusan untuk mengurangkan bahan pencemar, memelihara habitat hidupan liar di sepanjang sungai, memainkan peranan positif

terhadap koridor hidupan liar pedalaman, sanktuari terabit dan kawasan menghadapi ancaman banjir.

"Kami juga gembira kerana projek ini berjaya meningkatkan aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan bagi masyarakat setempat di kawasan Kinabatangan, pada masa sama kami berusaha mencapai matlamat yang ditetapkan dan yakin projek ini akan memainkan peranan untuk mencipta perspektif yang mesra bagi masyarakat tempatan dan alam semula jadi," katanya.

Ketua Pemuliharaan Hutan SFD, Datuk Mashor Mohd Jaimi berkata, projek itu akan memberi sumbangan besar ke arah memulihara hutan riparian di sepanjang Sungai Kinabatangan dan juga mencapai komitmen mereka, 'Reduce Emissions From Deforestation and Forest Degradation - Plus (REDD+)' dalam ekosistem istimewa itu.